

Ambil iktibar insiden guru rotan pelajar

Insiden seorang guru lelaki merotan pelajar perempuan di Johor Bahru diselesaikan dengan baik, namun banyak iktibar boleh diambil daripada insiden ini agar insiden seperti ini tidak lagi berulang.

Bagi guru dan ibu bapa, masing-masing perlu bertindak matang, rasional dan profesional. Dalam hal ini saya melihat kedua-dua pihak gagal mengawal emosi dan perasaan.

Jadi insiden ini diharap mampu membuka mata semua pihak supaya pada masa hadapan kita lebih berhati-hati dan bertindak lebih berhemah, tanpa dipengaruhi perasaan marah dan geram.

Insiden seperti ini tidak wajar ditularkan walau apa tujuan sekalipun. Bukan meminta pihak berkaitan berdiam diri atau menutup mulut, tetapi gunakanlah saluran betul untuk membuat aduan dan mendapatkan penjelasan.

Kita mahu insiden seperti ini segera diambil tindakan, jadi perlu diingat tindakan merakam dan menyebar rakaman sesi perjumpaan seperti dalam kes ini lebih mengeruhkan keadaan. Ia mencetus pelbagai spekulasi, kontroversi, provokasi dan fitnah dalam kalangan netizen yang menonton rakaman video yang tular itu.

Kita juga perlu ambil iktibar betapa ada pihak cuba menangguk di air yang keruh dengan mencetuskan provokasi perkau-man. Apabila seorang guru Melayu merotan pelajar Cina terus dilabel Melayu pukul Cina. Begitu

juga apabila pelajar Cina bertindak biadab terhadap guru Melayu terus dilabel Cina menghina Melayu.

Sampai bila anggota masyarakat mahu berfikiran sempit macam ini. Hentikanlah perbuatan melabel berunsur rasis seperti ini kerana provokasi melampau boleh mencetus perbalahan dan kemusnahan lebih besar.

Insiden ini juga menunjukkan masih ada ruang besar perlu di-perkasa dalam memantapkan hubungan guru dengan pelajar dan ibu bapa.

Walaupun majoriti pelajar dan anggota masyarakat hormat serta memandang tinggi kedudukan guru, masih ada yang skeptikal dan curiga terhadap guru dan pihak sekolah.

Jadi melihat ke hadapan kita perlu sedar kemajuan sekolah serta kecemerlangan anak-anak banyak bergantung kepada keakraban hubungan pihak sekolah dan guru dengan pelajar dan ibu bapa.

Kedua-dua pihak perlu saling memperbaiki hubungan supaya dapat mewujudkan sinergi kerjasama yang strategik dan mantap demi kejayaan sekolah dan juga pelajar.

Kerugian besar andai masih ada lagi ibu bapa berprasangka buruk dan tidak percaya kepada guru dan sekolah, begitu jugalah sebaliknya.

Noor Mohamad Shakil Hameed,
Timbalan Pengarah Pejabat Strategi
Korporat dan Komunikasi Universiti
Putra Malaysia (UPM).